

BAB 1

BAB 1 : RIWAYAT HIDUP SYEIKH DAUD AL-FATĀNĪ

1.1 LATAR BELAKANG SYEIKH DAUD

Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatānī adalah seorang ulamak terkemuka di Nusantara pada sekitar akhir abad ke 18M dan pada awal abad ke 19M. Beliau merupakan ulamak Patani yang masyhur dan paling produktif di rantau ini kerana banyak menghasilkan kitab¹ dan sering dianggap sebagai pelopor penulisan ilmu-ilmu agama Islam sejajar dengan perkembangan Patani sebagai pusat pengajian dan tamadun kesusasteraan Melayu yang berunsur Islam di Nusantara.²

Nama beliau tidak asing bagi para penadah, pengkaji dan peminat kitab-kitab Jawi. Kitab-kitab karangan beliau cukup terkenal dan diminati ramai. *Munyat al-Muṣallī*³ umpsamanya, walaupun sudah dicetak semenjak tahun 1310H/1892M dan sehingga hari ini masih terus mendapat sambutan dan dirujuk⁴ oleh pelajar Islam di institusi pondok dan institusi pengajian tinggi seluruh Nusantara, Mesir⁵ dan Eropah. Daya pemikiran kreatif serta karyanya yang berbentuk ilmiah tetap disanjung dan

¹ Engku Ibrahim Ismail (1992), “Syekh Dāwūd al-Fatānī: Peranan Dan Sumbangannya Di Nusantara”, *Dewan Budaya*, September 1992, h. 40.

² Mohd. Zamberi A. Malek (1994), *Patani Dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: D.B.P., h. 111; Hasan Madmarn (2001), *Pondok Dan Madrasah di Patani*, Thailand: Saudara Press, h. 31.

³ Ismail Che Daud (1992), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*, Kota Bharu: Percetakan Nik Daud, h. 15.

⁴ Hasan Madmarn (2001), *op. cit.*, h. 31.

⁵ Mohd. Zamberi A. Malek (1994), *op. cit.*, hlm. 112.

dikagumi. Hingga ke hari ini kitab-kitab ilmu agama Islam tulisan Syeikh Daud masih laris dijual di merata kedai buku bahkan diulang cetak beberapa kali.⁶

Lantaran kesarjanaannya, beliau diberi gelaran *al-'Ālim al-'Allāmah⁷ al-'Ārif al-Rabbāni⁸*. Nama penuh beliau ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan 'Abdullah bin Syeikh Wan Idris (juga dikatakan Wan Senik) al-Faṭāñī. Ibunya bernama Wan Fatimah, anak Wan Salamah binti Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi (Faqīh) 'Alī Datok Maharajalela bin Mustafa Datu Jambu (Sultan Abdul Hamid Syah) bin Sultan Muzaffar Waliullah bin Sultan Abu 'Abdullah 'Umdatuddin (Wan Abu atau Wan Bo Teri Teri atau Maulana Isra'il Raja Campa tahun 1471M).⁹

Nasab beliau dari sebelah bapa ialah Syeikh Daud bin Syeikh 'Abdullah bin Syeikh Wan Idris (bergelar Tok Wan Derasyid atau Syeikh Wan Senik) bin Tok Wan Abu Bakar bin Tok Kaya Pandak bin Andi (Faqīh) 'Ali Datuk Maharajalela. Sampai kepada Faqīh 'Alī Datuk Maharajalela, bertemu nasab ibu dan nasab bapanya. Selanjutnya Faqīh 'Alī Datuk Maharajalela bin Mustafa Datu Jambu (Sultan Abdul Hamid Syah) bin Sultan Muzaffar Waliullah. Sultan Muzaffar ini adalah saudara kandung kepada Syarif Hidayatullah (lebih terkenal dengan gelaran Sunan Gunung

⁶ *Ibid.*

⁷ Al-'Allāmāh bermaksud sangat 'ālim. Lihat *al-Munjid fi al-Lughah wa al- A'lām*, (1986), c. 22, Beirût: Dār al-Masyriq, h. 527.

⁸ Beliau diberi gelaran tersebut kerana alim dalam berbagai-bagai bidang iaitu Tasawwuf, Ilmu Kalam, Fiqh, Tafsir, Hadith, Bahasa Arab dan Mantik. Lihat Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *Syeikh Daud Bin Abdullah al-Faṭāñī Ulama' Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 26.

Jati iaitu salah seorang di antara Wali Songo/Sembilan yang menyebarkan Islam di Cerebon, Jawa Barat).¹⁰

Seorang lagi saudara Sultan Muzaffar ialah Sultan Babullah, Sultan Ternate. Bapa mereka bertiga iaitu Sultan Muzaffar Waliullah, Sunan Gunung Jati dan Sultan Babullah ialah Sultan Abu ‘Abdullah ‘Umdatuddin (Wan Abu atau Wan Bo Teri Teri atau Maulana Isra’il Raja Campa 1471M). Nama sebenar baginda ialah Syeid ‘Alī bin Syeid Nur Alam bin Maulana Syeikh Jamaluddin al-Akbar al-Ḥusaynī (di negeri Bugis/Sulawesi) bin Syeid Ahmad Syah (di India) bin Syeid Abdul Malik @ Syeid ‘Abd al-Mulūk (di India) bin Syeid ‘Alwī (di Tarim, Ḥaḍramawt/‘Arab) bin Syeid Muḥammad Shāhib Mirbāt bin Syeid ‘Alī Khāli’ Qasam (di Ḥaḍramawt/‘Arab) bin Syeid ‘Alwī (di Samal/Ḥaḍramawt) bin Imām ‘Isā Naqīb (di Başrah) bin Muḥammad Naqīb (di Başrah) bin Imām ‘Alī al-Uraydī (di Madīnah) bin Imām Ja’far al-Ṣādiq bin Imām Muḥammad al-Bāqir bin Sayyidinā ‘Alī Zayn al-‘Ābidīn bin Sayyidinā Ḥusayn (cucu Rasulullah S.A.W.) dari perkahwinan Sayyidinā ‘Alī dengan Sayyidatinā Fāṭimah binti Rasulullah S.A.W.¹¹

⁹ *Ibid.*, h. 9.

¹⁰ *Ibid.*, h. 10.

¹¹ *Ibid.*, h. 11.

Dari susur galur keturunan di atas, jelas menunjukkan bahawa Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭāñī termasuk salah seorang dari keturunan Nabi Muhammad S.A.W.¹² Rajah susur galur tersebut diterangkan seperti pada lampiran 1.

1.2 KELAHIRAN

Beliau dilahirkan di Kampung Bendang Gucil, Parit Marhum, berhampiran dengan Kampung Kerisek, iaitu kira-kira tujuh kilometer di sebelah selatan bandar Patani sekarang.¹³ Kerisek ketika itu bukan sahaja merupakan tempat bersemayam dan pemerintahan raja-raja Melayu Patani tetapi juga menjadi tempat tumpuan pelajar Islam tempatan dan luar negeri untuk mempergiatkan usaha dakwah Islamiah dan membincangkan hukum¹⁴ yang tidak terdapat di dalam nas Syarak.¹⁵

Kampung Kerisek terletak di tepi Lebuhraya Patani-Narathiwat. Ia menarik perhatian ramai dengan bangunan masjid tuanya yang tidak pernah siap. Ia bersempadan dengan Kampung Bandar di sebelah barat, Kampung Parit dan Kampung Kedi di sebelah timur, Kampung Tanjung Lulok di sebelah utara dan Kampung Tanjung di sebelah selatan. Kampung ini boleh dianggap sebagai salah satu kawasan bersejarah

¹² *Ibid.*

¹³ Lihat kedudukan Kampung Kerisek pada lampiran 3.

¹⁴ Hukum yang tidak terdapat di dalam nas al-Qur'an atau hadith memerlukan kepada ijtihad.

¹⁵ Mohd. Zamberi A. Malek (1994), *op.cit.*, h. 112.

di Patani yang perlu diberi perhatian oleh para penyelidik sejarah dan budaya Melayu.¹⁶

Tarikh kelahirannya menjadi perselisihan pendapat di kalangan para pengkaji dan peminat sejarah. Namun demikian dalam catatan beberapa keluarga yang ada hubungan dengan Syeikh Daud, ada yang mencatatkan tahun kelahirannya yang berbeza iaitu tahun 1133H, 1153H dan tahun 1183H.¹⁷ Pandangan terkini menyatakan beliau telah dilahirkan dalam tahun 1131H/1718M.¹⁸

Pandangan atau penemuan ini berdasarkan kepada catatan Tuan Guru Abdul Hamid bin Abdul Qadir al-Sanawi¹⁹ yang mengatakan umur Syeikh Daud kira-kira 166 tahun ketika beliau kembali ke Rahmatullâh iaitu pada masa pemerintahan Sultan Shariff Muhammad Arshad Khân al-‘Abbâsi tahun 1297H.¹⁹ Tahun kematiannya, 1131H didapati hasil dari tahun 1297H ditolak dengan umur Syeikh Daud iaitu 166 tahun.

Namun demikian, penulis berpendapat tahun 1183H adalah lebih tepat sebagai tahun kelahiran beliau kerana menurut Ismail Che Daud, Syeikh Daud berhijrah ke Makkah

¹⁶ Ahmad Fathy al-Fâjâni (1994), *Pengantar Sejarah Patani*, Alor Setar: Pustaka Darussalam, h. 135.

¹⁷ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 23.

¹⁸ Lihat “Syeikh Daud Abdullah al-Fâjâni: Pengenalan Ringkas,” (Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama’ Peringkat Kebangsaan Kali ke-4, di Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 17 – 19 Disember, 1991)

¹⁹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, “Sejarah Ringkas Sheikh Daud Bin Abdullah al-Fâjâni Dan Karya-Karyanya,” (Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama’ Peringkat Kebangsaan Kali ke-4), h. 5.

sekitar tahun 1201H, iaitu ketika umurnya baru meningkat 18 tahun.²⁰ Justeru itu, tahun kelahiran beliau ialah 1183H iaitu 1201H ditolak dengan umur beliau, 18 tahun. Oleh itu, umur Syeikh Daud ialah 82 tahun, bukannya sebagaimana dakwaan di atas, selama 166 tahun. Umur 82 tahun ini diperolehi adalah melalui tahun kematian beliau, 1265H²¹ ditolak dengan tahun kelahiran beliau, 1183H.

Umur Syeikh Daud, tarikh lahir dan tahun beliau meninggal dunia adalah berupa kebarangkalian kerana berlainan sumber dan riwayat yang berbeza.

1.3 PENDIDIKAN DAN PENGETAHUAN

Syeikh Daud al-Fatāni²² dilahir dan dibesarkan di dalam suasana keluarga yang sangat menyintai dan menghayati budaya ilmu sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Keadaan ini ditambah lagi dengan kedudukan Kampung Kerisek di mana beliau dilahir dan dibesarkan iaitu terkenal sebagai tempat pertumbuhan ilmu yang berasaskan kepada pendidikan Islam.²² Oleh yang demikian, sejak dari kecil lagi beliau telah terdedah kepada perkembangan ilmu yang berterusan di dalam keluarganya.

²⁰ Ismail Che Daud (1992), *op.cit.*, h. 22.

²¹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 24.

²² Engku Ibrahim Ismail (1992), *op.cit.*, h. 54.

Apabila berbicara tentang pendidikan Syeikh Daud al-Faṭāñī, kita tidak terlepas daripada melihat corak pendidikan di Nusantara secara keseluruhannya, iaitu dari akhir abad ke 18M sehingga ke akhir abad ke 19M. Ini kerana pada masa itu wujud dua pusat pendidikan Islam yang terkenal di rantau ini, iaitu Aceh dan Patani. Para pelajar dan ulamak di kedua-dua negeri ini saling mengunjungi antara satu sama lain, bahkan saling mencerahkan ilmu sesama mereka. Ini merupakan satu tradisi pengajaran dan pembelajaran di dunia Islam umumnya dan di Patani khususnya.²³

Bapa beliau iaitu Syeikh Wan ‘Abdullah dan datuknya iaitu Syeikh Wan Idris, masing-masing merupakan ulamak besar Patani pada zamannya.²⁴ Naluri yang sentiasa cenderung kepada agama Islam yang suci telah mengalir ke dalam diri Syeikh Daud. Bapa dan datuknya sentiasa mendisiplinkan dirinya, menjaganya dan mendidiknya sejak kecil lagi. Ditambah lagi, tradisi zaman dan tradisi Patani sendiri sentiasa menanam dan memperkenalkan Islam sejak dari zaman kanak-kanak. Kanak-kanak yang berumur lima atau enam tahun telah diwajibkan menghafaz Ilmu Tauhid. Apabila telah hafaz, mereka dikehendaki pula menghafaz Ilmu Nahwu dan Saraf.²⁵

Sistem pendidikan tradisional yang ada di Patani ketika itu telah dilalui oleh Syeikh Daud. Ternyata beliau termasuk putera Patani yang cerdas, paling istimewa pada

²³ *Ibid.*, h. 55.

²⁴ Anwar Zainal Abidin (2001), “Formasi Ulama Patani”, (*Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 – 20 Mei 2001*), h. 2.

zamannya, berakhhlak baik dan berketurunan mulia. Kepandaian dan ketajaman akalnya adalah luar biasa, sebagaimana digambarkan cara ia belajar dan menghafaz.²⁶

Setelah umurnya meningkat, kecintaan terhadap ilmu pengetahuan, rasa tanggungjawab untuk belajar dan kemudian ilmu itu untuk disebarluaskan makin bertambah di hati beliau. Hampir semua orang alim di Kerisek ketika itu dikunjunginya termasuk bapa saudaranya, Syeikh Safiyuddin.²⁷ Boleh dikatakan bahawa semua ulamak yang ada di zaman itu mempunyai pertalian kekeluargaan dengannya. Memang sampai sekarangpun ulamak-ulamak Patani adalah satu sumber keturunan dan ilmu.²⁸

Syeikh Daud telah menghabiskan masa pengajian asas selama lima tahun di sekolah pondok di daerah Kerisek. Ketika itu ramai ulamak dari Timur Tengah, terutama dari Yaman mengajar di Patani, termasuk seorang gurunya bernama ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mubīn. Kemudian beliau menyambung pelajarannya selama dua tahun di Aceh, Sumatera Utara, sebelum melanjutkan pelajaran di Makkah.²⁹

²⁵ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 24.

²⁶ Sekali sahaja baca dan dengar terus beliau hafaz. Tidak payah menghafaz seperti kebanyakan orang yang sedang belajar. *Ibid.*, h. 25.

²⁷ Ahmad Fathy al-Faṭāñī (2001), *Ulama’ Besar Dari Patani*, Kuala Lumpur: Ampang Press, h. 24; Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), “Penulisan Fiqh Sheikh Daud Al-Faṭāñī,” (*Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 – 20 Mei 2001*), h. 2.

²⁸ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 25.

²⁹ Mohd. Zamberi A. Malek (1994), *op. cit.*, h. 112.

Dalam rangka menambahkan ilmunya, Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭānī telah merantau ke Makkah kerana pada ketika itu Makkah merupakan pusat perkembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan, di samping suasana politik di Patani yang tidak menentu. Pada tahun 1198H atau 1784M kedaulatan Kerajaan Melayu Patani mula dinodai oleh pihak penjajah Siam dan selepas 1785M keadaan Kerajaan Islam Patani sentiasa bergolak. Sumber sejarah ada menyebutkan bahawa kekalahan pertama yang dialami oleh rakyat Patani ialah pada bulan November 1786M. Bagaimanapun hanya pada tahun 1204H/1789M barulah meletus Perang Sabil secara besar-besaran.³⁰

Dengan mengambil kira suasana pergolakan politik setempat, adalah diagak beliau pergi ke Makkah sekitar tahun 1201H atau 1787M iaitu ketika umurnya baru meningkat 18 tahun. Satu sumber lain mendakwa bahawa hanya setelah gurunya ghaib, ekoran kepungan tentera kafir Siam barulah beliau memulakan pelayaran ilmiahnya.³¹

Makkah merupakan pusat pengajian pondok lanjutan dalam masyarakat Melayu tradisional. Ia bukan sahaja qiblat sembahyang umat Islam seluruh dunia bahkan menjadi pusat pendidikan tertinggi bagi para ulamak di alam Melayu. Antara mata pelajaran yang diajar ialah Ilmu Fiqh, Uṣūluddīn, Taṣawwuf, Tafsīr, Ḥadīth, Nahū, Ṣaraf, Mantiq, Balāghah dan ‘Arūḍ.³² Kesannya lahir ramai cendikiawan dan

³⁰ Ismail Che Daud (1992), *op. cit.*, h. 22.

³¹ *Ibid.*

³² Mohd. Zamberi A. Malek (1994), *op. cit.*, h. 102.

pujangga Melayu Patani yang menghasilkan pelbagai tulisan dalam Bahasa Melayu yang diwarisi hingga ke hari ini.

Karya-karya terjemahan Syeikh Daud yang dianggap sebagai tokoh yang berjasa besar, memenuhi penghayatan Islam sewajarnya. Sebelum ini masyarakat Islam khususnya di Nusantara hanya mengamalkan ciri-ciri Islam secara akidah dan luaran semata-mata.³³ Namun dengan adanya kitab-kitab terjemahan dan juga daripada idea penulisan beliau sendiri telah memperjelaskan keilmuan Islam itu secara menyeluruh. Penjelasan beliau itu telah memberi suatu kesedaran kepada para pelajar Islam yang tertumpu di Makkah untuk melanjutkan pengajian Islam ke arah pembentukan suatu tamadun yang kemudian melahirkan babit-babit perjuangan menentang penjajahan di daerah-daerah Nusantara yang masih dicengkam penjajah.³⁴

Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭāñi telah belajar di Makkah selama tiga puluh tahun dan di Madinah selama lima tahun serta sebelum itu di Patani dan Aceh selama lapan belas tahun. Memandangkan tempoh belajar selama lima puluh tiga tahun, beliau telah digelar “*Al-‘Ālim al-‘Allāmah al-‘Ārif al-Rabbāni*” . Tidak ramai ulamak Jawi/Asia Tenggara yang mendapat gelaran seumpama ini.

Beliau pernah pulang ke Patani semasa dalam tempoh menuntut ilmu pengetahuan. Pada waktu itu ia bercita-cita untuk menyebarkan ilmu pengetahuan di negeri tumpah

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

darah sendiri. Namun hanya beberapa tahun di Patani timbul satu krisis perang antara Patani dengan Siam.

Menurut satu sumber, beliau telah melibatkan diri dalam perang itu, terjun secara langsung di gelanggang *jihād fī sablillāh*. Akhirnya beliau dan rombongan yang dipimpinnya terpaksa mengundurkan diri untuk menyusun taktik ke Pulau Duyung, Terengganu.³⁵

Akhirnya beliau kembali semula ke Makkah dan ramai anggota pelarian politik mengikutnya ke sana. Semasa di Makkah, beliau telah dilantik sebagai Ketua Syeikh Haji. Pada zaman Syeikh Daud al-Faṭāñī, istilah “Syeikh Haji” mula digunakan. Beliau merupakan orang pertama dilantik secara rasmi sebagai Ketua Syeikh Haji pada zaman itu.³⁶

Minat beliau dalam bidang penulisan diteruskan walaupun sentiasa dalam kesibukan dan beliau masih sempat meluangkan masa untuk mengajar di Masjid al-Harām. Karangannya ditulis dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Karangannya dalam Bahasa Arab tidak banyak tersebar di Asia Tenggara, manakala

³⁵ Ketika berada di Pulau Duyung itu, telah lahir seorang kanak-kanak iaitu cucu saudaranya yang akhirnya menjadi seorang ulamak besar bernama Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Faṭāñī (Syeikh Nik Mat Kecik), pengarang Kitab *Maṭla' al-Badrayn* yang terkenal itu. Lihat Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 25.

³⁶ *Ibid.*

karangannya dalam Bahasa Melayu tersebar secara meluas walaupun pada zamannya masih merupakan kitab tulisan tangan sahaja, belum ada yang bercetak.³⁷

1.4 GURU-GURU

Guru-guru awal Syeikh Daud terdiri daripada kalangan keluarganya sendiri iaitu Syeikh Wan ‘Abdullah (bapa), Syeikh Wan Idris (datuk)³⁸ dan Syeikh Safiyuddin (bapa saudaranya).³⁹ Mereka merupakan ulamak besar Patani pada zaman tersebut.

Syeikh Daud menerima pendidikan awal di Patani selama lima tahun. Seperti kebiasaan ulamak, beliau tidak berpada dengan pengajian di kampung halamannya dan mula mengorak langkah membuat *riplah* menuntut ilmu. Sebelum tiba ke Makkah, beliau singgah dan berguru di Aceh selama dua tahun. Di sana beliau berguru dengan Syeikh Muhammad Zayn Aceh, anak kepada Faqīh Jalāl al-Dīn.⁴⁰

Di Makkah, Syeikh Daud pada mulanya berguru dengan ulamak yang berasal dari Patani, seperti Syeikh Muḥammad Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Raḥmān al-Faṭāñī dan Syeikh ‘Alī bin Ishāq al-Faṭāñī al-Jāwī terutama dalam Ilmu Taṣawwuf.

³⁷ *Ibid.*, h. 26.

³⁸ Anwar Zainal Abidin (2001), *op. cit.*, h. 2.

³⁹ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 2; Ahmad Fathy al-Faṭāñī (2001), *op. cit.*, h. 24.

⁴⁰ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 2 – 3.

Beliau telah menerima aliran Taṣawwuf Sammāniyyah daripada pengasasnya sendiri, Syeikh Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Sammān al-Madani. Kemudian beliau menjadi pengikut aliran Taṣawwuf Syaṭāriyyah melalui guru taṣawwufnya, Syeikh Muḥammad As’ad bin Syeikh Muḥammad Sa’id Ṭāhir, cicik kepada ulamak besar Ibrāhīm al-Kurānī. Beliau juga menjadi pengikut aliran Taṣawwuf Syādhiliyyah melalui gurunya, Syeikh Muḥammad Ṣāliḥ bin Ibrāhīm al-Ra’is al-Zamzamī, Muftī al-Syāfi’īyyah di Makkah.⁴¹

Di sana, beliau menjadi ahli kumpulan pelajar Asia Tenggara yang belajar dengan ulamak-ulamak besar Makkah. Antara ulamak tersebut ialah Syeikh ‘Abd al-Šamad Palembang. Syeikh ‘Abd al-Šamad terlibat dengan pengajaran di kota suci itu dan di dalam Kitab *Siyar al-Sālikīn* beliau menyenaraikan sejumlah besar kitab Taṣawwuf yang sesuai dipelajari oleh pelajar-pelajarnya. Di samping itu beliau juga menulis surat akuan kepada bekas-bekas pelajarnya yang memohon jawatan agama di Jawa.⁴²

Meneliti kepada zaman pengajiannya, adalah dipercayai bahawa Syeikh Daud juga berguru dengan Syeikh Muḥammad Nafīs bin Idrīs bin Ḥusayn al-Banjari⁴³ kerana tokoh ini juga bermukim di Makkah.⁴⁴

⁴¹ Anwar Zainal Abidin (2001), *op. cit.*, h. 2.

⁴² Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 55.

⁴³ (Pengarang Kitab *al-Durr al-Nafīs* yang selesai dikarang pada 27 Muharram 1200H bersamaan 30 November 1785M). Lihat Ismail Che Daud (1992), *op. cit.*, h. 23.

⁴⁴ *Ibid.*

Dalam Ilmu Tauhid atau Usuluddin, Syeikh Daud telah mempelajari aliran al-Asy'ariyyah daripada gurunya Syeikh Muḥammad bin ‘Alī al-Šanwāni, murid Syeikh ‘Abdullāh al-Syarqāwi, Syeikh al-Azhar dan juga daripada Syeikh ‘Isā bin Aljmad al-Barrāwi. Aliran al-Māturidiyyah pula dipelajarinya daripada guru aliran Tašawwuf Syaṭṭāriyyahnya, Syeikh Muḥammad As’ad. Syeikh al-Barrāwi dan Syeikh Muḥammad As’ad juga merupakan guru beliau dalam Ilmu Ḥadīth dan Tafsīr al-Qur’ān.

Manakala dalam Ilmu Fiqh, beliau berguru dengan Syeikh Muḥammad bin Sulaymān al-Kurdī, Syeikh Sayyid Aljmad al-Marzūqī dan Syeikh ‘Atā’ Allāh.⁴⁵ Menurut Wan Mohd. Shaghir, di antara guru Syeikh Daud juga termasuklah al-‘Allāmah al-‘Ārif Billāh Maulānā al-Sayyid ‘Abdullāh al-Mirghānī.⁴⁶

Secara ringkasnya, guru-guru Syeikh Daud boleh disenaraikan seperti berikut:

1. Syeikh Wan ‘Abdullah (bapa).
2. Syeikh Wan Idris (datuk).
3. Syeikh Safiyuddin (bapa saudara).
4. Abdul Rahman bin Abdul Mubin al-Yamānī.
5. Syeikh Muhammad Zayn Aceh.
6. Syeikh Muḥammad Šālih bin ‘Abd al-Rahmān al-Faṭānī.

⁴⁵ Anwar Zainal Abidin (2001), *op. cit.*, h. 3.

⁴⁶ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 62.

7. Syeikh ‘Alī bin Isḥāq al-Faṭānī al-Jāwī.
8. Syeikh Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Sammān.
9. Syeikh Muḥammad As’ad bin Syeikh Muḥammad Sa’id Ṭāhir.
10. Syeikh Muḥammad Ṣāliḥ bin Ibrāhīm al-Ra’īs al-Zamzāmī.
11. Syeikh ‘Abd al-Ṣāmad Palembang.
12. Syeikh Muḥammad Nafīs bin Idrīs bin Ḥusayn al-Banjārī.
13. Syeikh Muḥammad bin ‘Alī al-Ṣānwānī.
14. Syeikh ‘Isā bin Aḥmad al-Barrāwī.
15. Syeikh Muḥammad As’ad.
16. Syeikh Muḥammad bin Sulaymān al-Kurdī.
17. Syeikh Sayyid Aḥmad al-Marzūqī.
18. Syeikh ‘Ata’ Allāh.
19. Al-‘Allāmah al-‘Ārif billāh Maulānā al-Sayyid ‘Abdullāh al-Mirghānī.

Sebagai rumusan, Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭānī belajar dengan ramai guru dari pelbagai aliran mazhab. Berbagai aliran iktikad dan kepercayaan dipelajarinya. Pegangannya kepada Mazhab Syāfi’ī dalam Fiqh dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* dalam iktikad.⁴⁷

Pengetahuannya yang menyeluruh dan lengkap bukan hanya di bidang pengajian Islam sahaja tetapi termasuk juga bidang-bidang lain. Beliau juga menguasai Ilmu Kedoktoran, Ilmu Hisab dan Ilmu Falak. Sungguhpun beliau bukan seorang

⁴⁷ *Ibid.*, h. 33.

politikus, beliau bukanlah seorang yang mudah dipengaruhi oleh ideologi politik yang menang di zamannya. Beliau tetap merupakan seorang ulamak yang berideologi Islam sebagai dasar negara. Apabila negara tidak berdasarkan hukum Islam, negara itu menurut beliau adalah negara kafir.⁴⁸

1.5 MURID-MURID

Kehadiran Syeikh Daud di Makkah telah menarik perhatian ramai pelajar Melayu, sehingga ulamak-ulamak dan pelajar-pelajar dari Asia Tenggara yang berada di Makkah itu telah menubuhkan Kesatuan Anak-Anak Melayu.⁴⁹ Mereka inilah yang mempopularkan ulamak besar ini, sama ada berguru kepadanya dan meneruskan ajarannya ataupun menyalin teks-teks karyanya ataupun menggunakan kitab-kitab karangannya setelah kembali ke tanah air.⁵⁰

Di bawah ini adalah senarai nama murid-murid Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatāñī yang terkenal, di antara mereka ialah:⁵¹

1. Syeikh Abdul Halim Kelantan.
2. Hj. Jamaluddin bin Lebai Muhammad Kelantan.
3. Syeikh Ali bin Ishaq al-Fatani.

⁴⁸ *Ibid.*, h. 34.

⁴⁹ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 55.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 42 – 50.

4. Syeikh Wan Hasan bin Ishaq Besut al-Faṭāñī.
5. Syeikh Muhammad Zayn bin Mustafa al-Faṭāñī.
6. Syeikh Wan Musa al-Faṭāñī.
7. Hj. Muhammad Saleh Khatib al-Faṭāñī.
8. Syeikh 'Abd al-Şamad Pulai Condong Kelantan.
9. Syeikh Abdul Malik bin Isa (Tok Pulau Manis) Terengganu.⁵²
10. Syeikh Zaynuddin Aceh.
11. Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Ghafar Sambas.
12. Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Faṭāñī.
13. Syeikh Muhammad bin Ismail Daudy al-Faṭāñī.
14. Syeikh Muhammad Zaynuddin bin Muhammad al-Badawī Sumbawi.
15. Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Riau.
16. Raja Ali Haji Riau.
17. Raja Haji 'Abdullah @ Marhum Mursyid Riau.
18. Syeikh Ismail bin 'Abdullah Minangkabau.
19. Syeikh Muhammad Saleh bin Murid al-Rāwā.
20. Muhammad Saleh bin Sunan Maulana Qadi @ Tengku Tembusai.
21. Sultan Muhammad Safiuddin Sambas.
22. Lebai Din bin Long Nik al-Faṭāñī.

Ketokohan murid-murid beliau terserlah setelah mereka pulang ke tanah air masing-masing dengan menyebarkan ilmu pengetahuan di pondok-pondok. Syeikh Abdul

⁵² Beliau dikenali dengan panggilan "Tok Pulau Manis". *Ibid.*, h. 44.

Halim Kelantan misalnya, di samping giat mengajar beliau dilantik sebagai Penasihat Sultan Muhammad I (1800 – 1837M). Beliau merupakan orang pertama mengajar di Kelantan menurut model pengajian pondok. Pusat aktivitinya di Kota Kubang Labu, kemudian berpindah ke Kota Lama di Kampung Sireh.⁵³

Tokoh yang masyhur seterusnya ialah Syeikh Wan Hasan. Beliau memusatkan aktiviti dakwah dan penyampaian pendidikannya di Besut, Terengganu. Beliau telah menghasilkan dua buah karya iaitu *Hidāyat al-Mukhtār* (1249H/1833M) dan *Ayyūhā al-Walad* (1266H/1850M).⁵⁴

Sebagaimana kedua-dua tokoh di atas, murid-murid Syeikh Daud al-Faṭāñī yang lain juga giat menyebarkan pengetahuan mereka kepada masyarakat, seperti Syeikh Wan Muhammad Zayn di Bendang Daya, Patani, Syeikh Abd al-Samad di Pulai Condong, Kelantan, Syeikh Abdul Malik di Pulau Manis, Terengganu, Syeikh Zaynuddin di Aceh, Sumatera, Syeikh Ahmad Khatib di Sambas, Kalimantan, Raja Haji Ahmad dan puteranya Raja Ali Haji di Riau serta ramai lagi tokoh-tokoh yang lain.⁵⁵

⁵³ *Ibid.*, h. 43.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 43 – 44.

1.6 KARYA-KARYA

Syeikh Daud adalah seorang pengarang terkemuka dan dikagumi. Walaupun sibuk sebagai Syeikh Haji di Makkah beliau masih berpeluang menulis dan menganjur.⁵⁶

Setakat ini belum ada bukti yang kukuh jumlah sebenar karangan atau karya-karyanya. Menurut satu sumber, beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya 101 buah karya dalam berbagai bidang ilmu.⁵⁷ Namun demikian, mengikut kajian dan penelitian Wan Mohd. Shaghir Abdullah, jumlah karya yang diketahui ialah 55 buah.⁵⁸ Manakala Ahmad Fathy al-Faṭāñī mengatakan 41 buah. Ada pula yang mengatakan 89 buah, bahkan sehingga mencapai sebanyak 120 buah.⁵⁹

Ahmad Fathy al-Faṭāñī cuba menjelaskan beberapa kekeliruan mengenai beberapa buah karya yang dikatakan dikanan oleh Syeikh Daud. Menurut beliau, risalah *al-Manhal al-Sāfi*⁶⁰ dan *Risālah Masā'il al-Muhtadī*⁶¹ bukan hasil karya Syeikh Daud. Karya pertama menurut beliau merupakan hasil penulisan Syeikh Abdul Kadir al-Faṭāñī bin Wan Abdul Rahim bin Wan Abdul Rahman, Bukit Bayas, Terengganu.

⁵⁵ *Ibid.*, h. 44 – 50.

⁵⁶ Mohd. Fakhruddin Abdul Mukti (1991), "Sheikh Daud al-Faṭāñī Dan Isu-Isu Semasa," (Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4, di Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 17 – 19 Disember, 1991), h. 2.

⁵⁷ Lihat "Syeikh Daud Abdullah al-Faṭāñī: Pengenalan Ringkas," (Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4, di Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 17 – 19 Disember 1991).

⁵⁸ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 55 – 57.

⁵⁹ Ahmad Fathy al-Faṭāñī (2001), *op. cit.*, h. 33 – 35.

Manakala karya kedua ialah karangan Syeikh Daud bin Ismail al-Rūmī dari Aceh iaitu seorang ulamak berketurunan Turki.⁶⁰

Kitab atau karya karangan Syeikh Daud dihasilkan dalam beberapa bentuk. Ada berbentuk karya asli, terjemahan dan saduran. Hampir semua karyanya ditulis dalam Bahasa Melayu tulisan Jawi, tetapi kebanyakannya memakai judul-judul Arab yang indah lagi menarik, seolah-olah kitab Arab yang tulin. Contohnya seperti *al-Durr al-Thamīn* (Permata Berharga), *Kasyf al-Ghumma* (Penawar Kedukaan), *al-Bahjat al-Sanīyyah* (Seri Keelokan), *al-Jawāhir al-Sanīyyah* (Permata Gemilang), *al-Bahjat al-Mardīyyah* (Keelokan Yang Diredai), *Ward al-Zawāhir* (Mawar Segala Bunga) dan *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* (Himpunan Beberapa Faedah Dan Beberapa-Beberapa Permata Yang Indah-Indah Lagi Tinggi).⁶¹

Hasil penulisannya yang telah dicetak tidak kurang daripada 30 tajuk, merangkumi bidang Tauhid, Fiqh, Taṣawwuf, Kisah Tauladan dan lain-lain. Hampir kesemua cetakan awalnya diterbitkan di Makkah, Mesir, Istanbul dan Bombay. Kebelakangan ini kitab-kitab beliau diulang cetak di Surabaya (Indonesia), Singapura, Thailand, Pulau Pinang dan Kota Bharu. Namun begitu sebahagian daripada tajuk-tajuk yang telah dicetak itu sukar ditemui lagi.⁶²

⁶⁰ *Ibid.*, h. 35.

⁶¹ *Ibid.*, h. 32.

⁶² *Ibid.*, h. 33.

Di antara karya-karya beliau yang diketahui adalah seperti berikut:⁶³

1. *Għayat al-Marām @ Manāsik al-Hajj wa al-'Umrah*. (1229H).

Kitab ini ditulis di Makkah. Ia diulang cetak beberapa kali di Makkah, Mesir dan Turki. Ia menjadi panduan dan pegangan kepada mereka yang bakal mengerjakan haji dan ‘umrah pada masa dahulu.⁶⁴ Kitab ini merupakan tumpuan kajian penulis. Perincian mengenainya akan diuraikan dalam bab dua.

2. *Bughyat al-Tullāb li Murīd Ma'rifat al-Abkām bi al-Şawāb* (1274H/1857M).

Ia merupakan lanjutan dari *Sabīl al-Muhtadīn fī Amr al-Dīn*, karya Syeikh Muḥammad Arsyad bin ‘Abdullāh al-Banjari (1227H/1810M). Kitab ini ditulis berdasarkan karya-karya Imām al-Nawawī (*Minhāj al-Tālibīn*), Ibn Ḥajar al-Haytamī (*Tuhfah*), al-Ramlī (*Nihāyat al-Muḥtāj*) dan Zakariyyā al-Anṣārī (*Fath al-Wahhāb*).⁶⁵ Karya ini membincangkan persoalan-persoalan ibadat. Pada bahagian pertama dirangkumkan beberapa hadith yang berkaitan dengan ilmu. Ia juga memuatkan biografi Imām al-Syāfi'ī dan merupakan karya biografi ringkas Imām al-Syāfi'ī yang pertama dalam Bahasa Melayu.⁶⁶ Muzium Nasional Jakarta mencatatkan kitab ini dengan judul lain, iaitu *Għayat al-Tullāb li Murīd Ma'rifat al-Abkām bi al-Şawāb*, bertarikh 1274H/1857M. Manuskip

⁶³ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 55 – 93; Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 56 – 60.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 71

⁶⁵ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 56 – 57; Hasan Mađmarn (2001), *op. cit.*, h. 34.

⁶⁶ *Ibid.*, h. 57.

ini ditulis dalam tiga jilid dan pada tajuknya dinyatakan bahawa ia adalah sebahagian dari manuskrip *Bughyat al-Tullāb*. Oleh itu kitab *Għajah* ini adalah karya beliau yang merupakan salinan kepada *Bughyah*.⁶⁷

3. *Al-Şayd wa al-Dhabā'ih* (Ditulis di Makkah).

Syeikh Daud hanya menyebut tarikh tulisannya pada hari Rabu 10 Ḧafar, tanpa menyebut tahunnya. Kandungannya mengenai hukum penyembelihan, perburuan, korban, ‘aqiqah, binatang yang halal dan haram dimakan menurut Mazhab Syāfi’ī serta perkara-perkara yang berkaitan.⁶⁸

4. *Al-Bahjat al-Sanīyah* (Ditulis di Makkah).

Karya ini siap ditulis pada hari Sabtu, waktu ‘Asar 16 Ḩafar, 1258H.⁶⁹ Kitab ini merupakan terjemahan dan syarahan dari kitab gurunya, Syeikh Ahmad al-Marzūqī. Beliau meminta Syeikh Daud menghuraikan kitab itu dan menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu. Kandungan kitab ini ialah tentang Ilmu Tauhid dan perkara-perkara yang berkaitan.⁷⁰

⁶⁷ Engku Ibrahim Ismail (1991), “Syeikh Dawud al-Faṭāñī: Satu Analisis Peranan Dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara,” (Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama’ Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4, di Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 17 – 19 Disember 1991), h. 41.

⁶⁸ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 11.

⁶⁹ Ahmad Fathy al-Faṭāñī (2001), *op. cit.*, h. 34.

⁷⁰ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 59.

5. *Diyā' al-Murīd*.

Kitab ini tidak dinyatakan tarikh penulisannya. Ia membincarkan mengenai Ketuhanan dalam konteks pengertian *al-Syahādat al-Ulūhīyah* secara terperinci, termasuk adab-adab berzikir.⁷¹ Ia ditulis sewaktu berkunjung ke Sambas, di istana Sultan Muhammad Shafiuddin di Kampung Parit Dalam, Sambas, Kalimantan.⁷²

6. *Sifat Dua Puluh* (Cetakan Singapura tahun 1312H/1843M).

Cetakannya setebal 32 halaman.⁷³ Syeikh Daud membincangkan konsep Sifat Dua Puluh dengan mengemukakan pendapat yang mengakui adanya *hāl*.⁷⁴ Justeru itu, *Kawnuhū Qadīran* bukan berasal dari sifat *Qudrah* tetapi ia adalah sifat yang berdiri sendiri yang hanya mempunyai hubungan pada akal sahaja. Ini bermaksud, *Qudrah* dan *Kawnuhū Qadīran* adalah dua sifat yang berbeza tetapi mempunyai hubungan antara satu sama lain. Pendapat tersebut adalah lanjutan daripada pemikiran al-Asy'ari yang pada peringkat permulaannya hanya menetapkan 13 sifat Allah yang wajib diimani oleh setiap orang yang

⁷¹ Abdul Aziz Ambak bin Ismail (1991), "Sumbangan Syeikh Daud al-Faṭāñī Dalam Aqidah Di Nusantara", (*Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4*, di Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 17 – 19 Disember 1991), h. 7.

⁷² Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 55.

⁷³ Ahmad Fathy al-Faṭāñī (2001), *op. cit.*, h. 34.

⁷⁴ *Hāl* ialah sifat *Ma'nawīyah* yang sabit kepada Zat yang di'illahkan dengan *ma'nā* yang berdiri dengan *Zāt*. Sifat-sifat *Ma'nawīyah* ialah keadaan Allah *Qudīr*, *Murīd*, *'Alīm*, *Hayy*, *Samī'*, *Baṣīr* dan *Mutakallim*. Sifat-sifat tersebut dinamakan sifat *Ma'nawīyah* kerana sifat-sifat tersebut melazimi sifat-sifat *Ma'ānī*. Oleh yang demikian *Qadīr* lazim daripada sifat *Qudrah*, *'Alīm* lazim daripada sifat *'Ilm*, *Murīd* lazim bagi sifat *Irādah* dan demikianlah berlaku pada sifat-sifat yang lain. Sifat *Ma'nawīyah* merupakan cabang daripada sifat *Ma'ānī* dan sifat *Ma'nawīyah* menjadi *ma'lūl* (musabbab), manakala sifat *Ma'ānī* menjadi *'illah* (sebab) adanya sifat *Ma'nawīyah*. Lihat Ahmad Zuhdi Ismail (2001), "Pemikiran Ulama Patani Dalam 'Ilm al-Kalām: Satu Analisa", (*Kertas Kerja*

beriman. Perubahan yang berlaku ke atas doktrin ini apabila dua orang daripada golongan *al-Asyā'irah* iaitu al-Bāqillānī⁷⁵ (meninggal 403H/1013M) dan Imām al-Haramayn al-Juwainī⁷⁶ (meninggal 478H/1085M) telah menambahkan 7 lagi sifat kepada Allah sebagai tambahan kepada 13 sifat yang sedia ada. Ini menjadikannya berjumlah 20. Justeru itu, sifat-sifat wajib bagi Allah lebih dikenali sebagai Sifat Dua Puluh.⁷⁷

7. *Bidāyat al-Hidāyah* (Terjemahan) (1253H).

Kitab *Bidāyah* adalah karya Imām al-Ghazzālī yang berkaitan dengan Taṣawwuf.⁷⁸ Syeikh Daud telah menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan judul asal.⁷⁹

Nadwah Ulama Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 – 20 Mei 2001), h. 12.

⁷⁵ Beliau ialah Abū Bakr Muḥammad bin al-Tayyib bin Muḥammad bin Ja'far. Merupakan seorang kadi dan tokoh ulamak Ilmu Kalam. Dilahirkan di Basrah pada tahun 338H/950M, tinggal di Baghdad dan meninggal dunia di sana pada tahun 403H/1013M. Pakar dalam mengistimbāf hukum dan cepat memberi jawapan kepada soalan yang diajukan kepadanya. Beliau pernah diutuskan sebagai Duta ke Konstantinopel untuk berdialog dengan paderi-paderi Kristian di hadapan raja Rom. Antara buku-buku karangan beliau ialah *I'jāz al-Qur'ān*, *al-Insāf* dan *al-Tamhīd fī al-Radd 'alā al-Muljīdah wa al-Mu'afīlah wa al-Khwārij wa al-Mu'tazilah*. Lihat al-Zirkīl (1979), *al-A'lām*, j. 6, c. 4, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāiyin, h. 176.

⁷⁶ Beliau ialah Abū al-Ma'ālī, 'Abd al-Malik bin 'Abdullāh bin Yūsuf bin Muḥammad al-Juwainī. Digelar sebagai Imām al-Haramayn. Dilahirkan di Juwayn – di daerah Naysābūr – pada tahun 419H/1028M. Berpindah ke Baghdad dan ke Makkah, dalam masa lebih kurang empat tahun. Seterusnya beliau pergi ke Madinah, memberi fatwa dan mengajar sambil mengumpul jalan mazhab-mazhab. Kemudian kembali ke Naysābūr, lalu Menteri (Nizām al-Muluk) membina untuknya al-Madrasah al-Nizāmiyyah. Ramai tokoh ulamak datang menimba ilmu daripadanya. Beliau meninggal dunia di Naysābūr pada tahun 478H/1085M. Lihat *Ibid.*, j. 4, h. 160.

⁷⁷ Ahmad Zuhdi Ismail (2001), *op. cit.*, h. 8.

⁷⁸ Sulaiman Ibrahim (2001), "Shaykh Dāwūd al-Faṭāñi Dan Pengaruhnya Dalam Penyebaran Tarekat Shāfi'iyyah di Nusantara", (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 – 20 Mei 2001), h. 7.

8. *Waṣāyā al-Abraar wa Mawā'iẓ al-Akhyār.*

Ia merupakan terjemahan dan saduran dari karya Syeikh Muhammad bin ‘Umar al-Ghamri al-Wasiṭī.⁸⁰ Ia membahaskan tentang Taṣawwuf secara terperinci.⁸¹ Tarikh penulisannya tidak disebut.

9. *Bisyārat al-Ikhwān* (1226H).

Kitab ini pernah dicetak berkembar dengan *Jam’ al-Fawā’id*, sebagai tambahan. Penerangannya mengenai sebab-sebab mati di dalam iman. Ia merupakan terjemahan dari karya guru beliau al-‘Allāmah al-‘Ārif Billāh Maulānā al-Sayyid ‘Abdullāh al-Mirghānī.⁸²

10. *Kisah Nabi Yusuf A.S.* (1330H).

Kisah Nabi Yusuf karya Syeikh Daud ini merupakan karya yang pertama dalam Bahasa Melayu. Ia merupakan karya sejarah Nabi Yusuf yang paling lengkap jika dibandingkan dengan kisah-kisah yang ditulis selepasnya. Justeru itu, ia menempatkan Syeikh Daud tergolong sebagai seorang “Sasterawan Islam

⁷⁹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 61.

⁸⁰ Beliau ialah Abū ‘Abdillāh Syams al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin Alḥmad al-Wasiṭī al-Ghamrī. Seorang ahli sufi dan mempunyai pengikut yang ramai. Keturunannya berasal dari Wāsit, Iraq dan beliau dilahirkan di Ghāmr, Mesir pada tahun 786H/1384M. Belajar di Universiti al-Azhar dan hidup dalam keadaan miskin. Lantaran kemiskinannya beliau pernah memakan kulit kacang tanah dan tembikai serta pernah mengikat perut selama seminggu. Beliau telah membina sebuah masjid di Kaherah dan memperbaharui beberapa buah masjid lain serta sentiasa menolak perkara-perkara bid’ah. Beliau telah mengarang beberapa buah kitab, antaranya *al-Nuṣrah fī Ḥikām al-Fiṭrah* dan *Qawā’id al-Ṣufīyyah*. Meninggal dunia di Kaherah pada tahun 849H/1445M. Lihat al-Zirkli (1979), *op. cit.*, j. 6, h. 312.

⁸¹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 61.

⁸² Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 62.

Melayu.” Kisah ini juga pernah diterbitkan bersama dengan karyanya, *Jam’ al-Fawā’id*.⁸³

11. *Hikayat Laki-Laki Yang Salih Daripada Banī Isrā’il.*

Judul risalah ini merupakan bab penutup di belakang kisah Nabi Yusuf, bukan sebuah kitab berasingan. Cerita itu juga terdapat dalam Kitab *Jam’ al-Fawā’id*.⁸⁴

12. *Kayfyyat Khatm al-Qur’ān* (Tarikh penyusunannya tidak dinyatakan).

Kitab ini ditulis dalam Bahasa Melayu. Ia menerangkan tatacara melakukan khatam al-Qur’ān dan menghimpunkan berbagai doa. Merupakan kitab pertama yang berbentuk demikian. Ia diulang cetak beberapa kali oleh berbagai percetakan, sama ada di Makkah, Mesir, Turki dan Bombay mahupun oleh percetakan-percetakan di Asia Tenggara.⁸⁵

13. *Mudhākarat al-Ikhwān* (1249H).

Kitab ini mungkin ditulis setelah beliau selesai menulis kitab *Fath al-Mannān* yang selesai ditulis pada hari Ahad, 16 Ramadhan 1249H. di Makkah kerana kedua-duanya dicetak berkembar oleh Percetakan al-Miriyyah pada tahun

⁸³ *Ibid.*, h. 62 – 63.

⁸⁴ Ahmad Fathy al-Faṭāñī (2001), *op. cit.*, h. 35 dan 41.

⁸⁵ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 63.

1330H. Kandungannya merupakan wasiat Syeikh Daud supaya bertaqwa kepada Allah.⁸⁶

14. *Kifāyat al-Mubtadi’ @ Irsyād al-Atfāl* (Terbitan al-Mīriyyah, 1309H).

Kandungannya mengenai Ilmu Tauhid. Ia membicarakan syarat-syarat iman dan perkara-perkara yang membinasakan iman. Beliau juga menerangkan rukun-rukun, syarat-syarat, perkara-perkara yang membinasakan syahadah, tanda-tanda Islam dan syarat-syarat Islam. Pada bahagian akhir, beliau menyenaraikan berbagai doa.⁸⁷

15. *Al-Muqaddimat al-Kubrā* (Tarikh penulisannya tidak diketahui).

Karangan Syeikh Daud ini telah disalin oleh Syeikh ‘Abd al-Şamad al-Kalantani. Ia merupakan karya akidah.⁸⁸

16. *Al-Qurb ilā Allāh*.

Setakat ini karya ini belum ditemui.⁸⁹

17. *Kifāyat al-Jāwīyah* (Tahun penulisannya tidak dinyatakan).

Karya ini belum ditemui, oleh itu ia tidak dapat dipastikan sama ada berkaitan dengan Fiqh atau selainnya.⁹⁰

⁸⁶ *Ibid.*, h. 65.

⁸⁷ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 65 - 67.

⁸⁸ *Ibid.*, h. 67.

18. *Tanbīh al-Ghāfiḥ*.

Karya ini juga belum ditemui.⁹¹ Wan Mohd. Shaghir mengatakan kemungkinan kitab ini yang dimaksudkan dengan *Tanbīh al-Ghāfiḥin* yang tidak diketahui nama pengarang yang tersimpan di Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.⁹²

19. *Jihāyat al-Takhaṭṭub*.⁹³

Karya ini juga belum ditemui.⁹⁴

20. *Ta'alluq bi Kalimāt al-Īmān*.

Karya ini juga belum ditemui.⁹⁵

⁹⁰ Menurut pengkaji *Khazānah Faṭāniyyah*, Wan Mohd. Shaghir Abdullah karya ini belum ditemui. Lihat *Ibid.*

⁹¹ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 6; Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 67.

⁹² Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 6.

⁹³ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 67. Penulis disertasi ini diberitahu oleh pegawai Perpustakaan Awam Pusat Islam bahawa kesemua manuskrip telah diserahkan kepada Perpustakaan Awam di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

⁹⁴ Berlaku kesilapan ejaan pada nama karya ini. Wan Mohd. Shaghir Abdullah mengejanya sebagaimana ejaan di atas, manakala Ahmad Fathy al-Faṭāni mengejanya dengan *Jihāyat al-Takattub*. Lihat *Ibid.*, h. 68 dan Ahmad Fathy al-Faṭāni (2001), *op. cit.*, h. 35.

⁹⁵ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 6; Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 68. Menurut Ahmad Fathy al-Faṭāni, nama kitab ini ada termuat di halaman 35 dalam buku panduan yang disediakan oleh jawatankuasa kecil "Pameran Hasil Sumbangan Islam" bersamaan Ekspos Pembangunan Islam di Stadium Negara, Kuala Lumpur dari 30 November hingga 14 Disember 1980. Lihat Ahmad Fathy al-Faṭāni, *Ulama' Besar Dari Patani*, *op. cit.*, hlm. 35 dan 41

⁹⁶ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 68.

21. *Kayfiyyat Salāt al-Tarāwīh* (Tahun penulisannya tidak dinyatakan).

Naskhah ini dimulai dengan solat tarawih, witir dan diikuti dengan Ṭariqat Syaṭṭāriyyah, Ṭariqat Sammāniyyah dan ziarah kubur.⁹⁶ Selain dari naskhah ini, ditemui salinan lain oleh Syeikh Muḥammad Nūr bin Syeikh Nik Mat Kecik al-Faṭāñi. Kandungannya lebih lengkap kerana terdapat tambahan sembahyang dua belas rak’at malam 27 Ramaḍan yang dijelaskan cara-cara mengerjakannya dan fadilat-fadilatnya.⁹⁷

22. *Risalah tentang kelebihan Basmalah.*

Tidak disebut tahun penulisannya. Risalah ini membicarakan tentang fadilat-fadilat mengamalkan *Basmalah*, cara-caranya dan bilangan jumlahnya.⁹⁸

23. *Risalah kelebihan Hamdalah.*

Ia tidak dinyatakan tahun penulisannya. Risalah ini ditulis selepas *Risalah Kelebihan Basmalah*. Ia membicarakan kelebihan-kelebihan membaca *Hamdalah*.⁹⁹

⁹⁶ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, hlm. 5.

⁹⁷ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 68.

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ *Ibid.*

24. *Risalah jawab persoalan.*

Tahun penulisannya tidak dijelaskan. Kandungannya mengenai sembahyang Juma'at.¹⁰⁰ Ia merupakan jawapan kepada pertanyaan yang khusus datang dari Patani.¹⁰¹

25. *Kifāyat al-Muḥtaṭāj*. (1224H/1809M).

Kitab ini ditulis dalam Bahasa Melayu tentang *Isrā'* dan *Mi'rāj* Nabi S.A.W. Ia berdasarkan karya al-Ghayṭī¹⁰² (1504M), *Mi'rāj al-Nabi*¹ dan sebahagiannya daripada karya al-Qalyūbī¹⁰³ (1658M). Ia memuatkan huraian mengenai jenis-jenis Syurga dan Neraka. Pada (margin) *hāsyiyahnya* terdapat cerita-cerita *sīrah* Baginda S.A.W. dan berakhir dengan doa khas yang diucapkan semasa menceritakan kisah Baginda naik ke langit.¹⁰⁴

26. *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*. (1224H).

Merupakan kitab terjemahan daripada Bahasa Arab setebal 60 halaman yang memuatkan prosedur-prosedur nikah, talaq, mas kahwin dan sebagainya.¹⁰⁵

¹⁰⁰ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 5.

¹⁰¹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 68 - 69.

¹⁰² Beliau ialah Abū al-Mawāhib Najm al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Alī al-Sakandarī al-Ghayṭī al-Syāfi’ī. Dilahirkan di Mesir pada tahun 910H/1504M. Namanya disandarkan kepada Abī al-Ghayṭ di Mesir. Beliau meninggal dunia pada tahun 980H/1573M. Lihat al-Ziriklī, (1979), *op. cit.*, j. 6, h. 6.

¹⁰³ Beliau ialah Abū al-‘Abbās Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad bin Salāmah al-Qalyūbī. Seorang tokoh Fiqh yang berasal dari Qalyūb, Mesir. Beliau meninggal dunia pada tahun 1069H/1659M. Lihat al-Ziriklī, (1979), *op. cit.*, j. 1, h. 92.

¹⁰⁴ Hasan Madmarn (2001), *op. cit.*, h. 39; Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 59.

¹⁰⁵ Hasan Madmarn (2001), *op. cit.*, h. 38; *Ibid.*, h. 58.

27. *Nahj al-Rāghibīn wa Subul al-Muttaqīn* (1226H/1811M).

Kitab Fiqh ini ditulis di Makkah dan dicetak pada bahagian tepi Kitab *Bughyat al-Tullāb* oleh Dār al-Ṭibā'ah al-Miṣriyyah al-Kubrā. Dalam Kitab *al-Mu'āmalah*, karya ini membincangkan tentang hukum jual beli dan perkara-perkara yang berkaitan. Karya ini juga membincangkan mengenai hukum jenayah, jihad, kehakiman, pendakwaan dan kesaksian. Sumber rujukannya ialah karya-karya Fuqaha' Mazhab Syāfi'i yang muktabar seperti *Minhāj al-Tālibīn li al-Nawawī*, *Tuhfah al-Muhtāj bi Syarh al-Minhāj li Ibn Ḥajar al-Haytami* dan *Nihāyat al-Muhtāj li al-Ramli*.¹⁰⁶

28. *Ghāyat al-Taqrīb*. (1226H).

Satu karya ringkas setebal 24 halaman mengenai hukum pembahagian pusaka. Ia merupakan terjemahan dari versi Arab terbitan Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, Kaherah.¹⁰⁷

29. *Bulūgh al-Marām*. (1227H).

Kitab ini membicarakan mengenai niat yang sah untuk mengerjakan sembahyang menurut Mazhab Syāfi'i.¹⁰⁸

¹⁰⁶ Joni Tamkin Borhan (2001), "Sumbangan Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatāñi Dalam Fiqh al-Mu'amalah: Tumpuan Kepada Furū' al-Masā'il", (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 – 20 Mei 2001), h. 4.

¹⁰⁷ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 58.

¹⁰⁸ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 6.

30. *Al-Durr al-Thamīn*. (1232H).

Kitab ini membicarakan tentang akidah orang yang beriman bersandarkan Mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Sebahagian besar kandungannya adalah hasil terjemahan dari kitab Tauhid berbahasa Arab. Dimasukkan juga unsur-unsur pengajaran *Taṣawwuf Sunnī*,¹⁰⁹ bertujuan untuk memperluaskan lagi pengisian Ilmu Tauhid. Tebal kitab ini 501 halaman dan mencukupi untuk dijadikan teks wajib untuk mendalami Ilmu ‘Aqīdah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.¹¹⁰

31. *Tuhfat al-Rāghibīn* (1233H).

Karya ini khusus membicarakan persoalan jenayah dan perkara-perkara yang berkaitan. Melalui karya ini, Syeikh Daud bertujuan ke arah merealisasikan undang-undang Islam secara menyeluruh di negara-negara Islam.¹¹¹

32. *Nahj al-Rāghibīn* II. (1234H).

Kitab ini setebal 422 halaman. Ia membicarakan hukum jual beli dan perkara-perkara yang berkaitan. Diterangkan juga hukum mencederakan orang dan balasannya, hukum perang, hukum menjadi Kadi, hukum pendakwaan dan kesaksian.¹¹²

¹⁰⁹ *Taṣawwuf Sunnī* bermaksud Tasawwuf yang bersandarkan kepada Mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Lihat Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 57.

¹¹⁰ Hasan Madmarn (2001), *op. cit.*, h. 36; Abdul Aziz Ambak bin Ismail (1991), *op. cit.*, h. 6.

¹¹¹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 73.

¹¹² *Ibid.*

33. *Al-Musawwadah*. (1234H).

Tajuk ini diberikan berdasarkan nama yang dituliskan oleh Syeikh Daud sendiri. Kitab ini merupakan karangan asli dan belum pernah dicetak iaitu masih dalam keadaan manuskrip. Ia membicarakan tentang maulid Nabi Muhammad S.A.W. yang diselang-seli sedang selawat dan salam ke atas Baginda. Justeru itu, *al-Musawwadah* merupakan penemuan baru Wan Mohd. Shaghir Abdullah tentang karya Syeikh Daud.¹¹³

34. *Kasyf al-Ghumām fī Al-Jwāl al-Mawtā fī al-Barzakh wa al-Qiyāmah*. (1238H/1819M).

Kitab ini memperkatakan mengenai kehidupan selepas mati, di samping menerangkan tentang Malaikat, Hari Akhirat serta tempoh peralihan antara mati dan hidup kembali pada Hari Kiamat. Kitab yang terdiri daripada dua jilid ini disadur daripada karya-karya Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Syarḥ al-Sudūr* dan ‘Abd al-Wahhāb al-Sya’rānī, *Mukhtaṣar Tadhkirat al-Qurṭub*¹¹⁴

35. *Jam' al-Fawā'id*. (1239H/1823M).

Ia merupakan di antara karya Syeikh Daud yang agak popular, sehingga telah diulang cetak beberapa kali di Makah dan Mesir. Kitab ini membicarakan tentang kelebihan beramal dan berakhlik mulia.¹¹⁵ Kitab ini juga membicarakan tentang *Isrā'* dan *Mi'rāj* bagi menerangkan kelebihan bulan

¹¹³ *Ibid.*, h. 74.

¹¹⁴ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 59.

Rajab, Sya'ban dan *Nisf* Sya'ban, Ramadan dan *Laylat al-Qadr*, Dhulhijjah dan kelebihan-kelebihan amalan padanya serta fadilat takbir dan qurban. Seterusnya dibicarakan mengenai bulan Muharram dan hari 'Āsyūrānya. Pada bahagian akhirnya dibicarakan tentang doa dan adab-adabnya, zikir, tasbih, tahmid dan selawat kepada Nabi S.A.W.¹¹⁶

36. *Minhāj al-'Ābidīn*. (1240H/1824M).

Kitab ini merupakan terjemahan daripada karangan *Minhāj al-'Ābidīn* oleh al-Imām al-Ghazzālī. Kandungannya menyentuh tentang tujuh 'uqābah yang perlu disedari dan seterusnya rintangan yang perlu dilalui oleh seorang *sālik*.¹¹⁷

37. *Kanz al-Minān*. (1240H/1840M).

Sebuah Kitab Taṣawwuf yang berasaskan kepada karya Syeikh Abū Madyan Syu'ayb Ibn al-Ḥusayn al-Anṣārī (520-594H/1126-1198M) di dalam kitabnya, *al-Hikam*. Ia memperlihatkan kematangan Syeikh Daud di dalam Ilmu Taṣawwuf. Selain dari menterjemahkan matan atau teks Kitab *al-Hikam* tersebut, beliau telah memberikan huraian dan penjelasan mengenai maksud yang dikehendaki oleh setiap matan itu.¹¹⁸

¹¹⁵ Faudzinaim Badaruddin (2001), *op. cit.*, h. 5.

¹¹⁶ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 75 – 76.

¹¹⁷ Hasan Madmarn (2001), *op. cit.*, h. 35; Faudzinaim Badaruddin (2001), *op. cit.*, h. 5.

38. *Munyat al-Muṣallī*. (1242H/1827M).

Kitab ini sering digunakan untuk pelajaran sembahyang di Asia Tenggara.¹¹⁹ Penekanannya khusus kepada membicarakan hukum sembahyang untuk makmum *muwāfiq* dan *masbūq* bagi Sembahyang Jama'ah dan Juma'at. Dikemukakan juga masalah-masalah *khilāfiyyah* antara Ibn Hajar dan al-Ramli. Pada amnya diambil pendapat Ibn Hajar.¹²⁰

39. *Hidāyat al-Muta'allim wa 'Umdat al-Mu'allim*. (1244H/1826M).

Kitab ini dikatakan Kitab Fiqh pertama yang paling lengkap di Asia Tenggara. Ia diakhiri dengan perbincangan merangkumi Akidah dan Taṣawwuf.¹²¹

40. *'Aqīdat al-Jawāhir*. (1245H).

Kitab ini membicarakan mengenai Ilmu Tauhid dalam bentuk sya'ir.¹²²

41. *Fath al-Mannān*. (1249H/1833M).

Menbicarakan persoalan Akidah, Fiqh dan Taṣawwuf. Aspek tasawwufnya adalah menyentuh tentang aspek praktikal di dalam kehidupan kerohanian Islam. Ia merupakan terjemahan dan huraihan kepada karangan asal oleh Ibn Ruslān al-Dimasyqi bertajuk *al-Zubad*.¹²³

¹¹⁸ *Ibid.*, h. 6.

¹¹⁹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 78.

¹²⁰ Abdul Aziz Ambak bin Ismail (1991), *op. cit.*, h. 33 –34.

¹²¹ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), *op. cit.*, h. 5.

¹²² Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 79.

¹²³ Faudzinaim Badaruddin (2001), *op. cit.*, h. 5.

42. *Al-Jawāhir al-Sanīyah*. (1252H).

Kitab ini ditulis dalam Bahasa Melayu. Ia paling digemari oleh penuntut-penuntut Kitab Jawi kerana saiznya sederhana dan bahasanya mudah. Ditambah pula kandungannya mengenai asas-asas penting Ilmu Fiqh dalam semua bab dan fasal dan digabungkan pula dengan pengajian ‘*Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* serta ajaran dan pendidikan *Taṣawwuf Sunnī* yang mendidik akhlak zahir dan hati dalam kehidupan orang Islam. Ia sesuai dengan *al-Tarīqah al-Āḥmadīyyah* atau *al-Sulūk al-Muḥammadīyyah*.¹²⁴

43. *Sullam al-Mubtadi’ fī Ma’rifat Ḥarīq al-Muhtadī*. (1252H/1836M).

Kitab ini ditulis semasa Syeikh Daud berada di Tā’if. Kitab ini disemak oleh Haji Alias al-Azhārī dan diterbitkan oleh Percetakan Sulayman Marī, Singapura, tanpa tahun dan setebal 46 halaman. Di dalam bab permulaannya, ia membincangkan persoalan akidah. Dalam mu’amalah, kitab ini membincangkan tentang hukum jual beli dan perkara-perkara yang berkaitan. Dalam bahagian Fiqh, kitab ini menyentuh berbagai bidang termasuk sembahyang, puasa, zakat, haji, qurban, fara’id, wasiat, perkahwinan, jenayah, kehakiman, jihad, perhambaan dan sebagainya, tetapi disusun dengan serba ringkas iaitu memasukkan perkara-perkara asas sahaja.¹²⁵

¹²⁴ Abdul Aziz Ambak bin Ismail (1991), *op. cit.*, h. 34.

¹²⁵ Joni Tamkin Borhan (2001), *op. cit.*, h. 4 – 5.

44. *Furū' al-Masā'il*. (Mulai ditulis pada tahun 1254H/1838M dan selesai pada tahun 1257H/1841M, di Makkah).

Tajuk lengkapnya ialah *Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Masā'il*. Merupakan karya utama Syeikh Daud dalam bidang perundangan dan pemikiran Islam. Boleh didapati di Makkah sejak tahun 1880an lagi dan kini digunakan dengan meluas di Dunia Melayu. Ia merupakan karya terjemahan Syeikh Daud terhadap karya-karya al-Ramli¹²⁶, *al-Fatāwā* dan Ḥusayn bin Muḥammad al-Maḥallī¹²⁷. *Kasyf al-Anām*. Kitab ini merupakan pendedahan mengenai peraturan-peraturan dan segala panduan asas bagi orang-orang Islam dalam pelbagai aspek kehidupan.¹²⁸

45. *Al-Bahjat al-Marḍīyyah*. (1259H).

Kitab ini biasanya dicetak berkembar dengan *Munyat al-Muṣallī*. Kandungan kitab ini membincangkan mengenai tata cara seseorang makmur mengikut imam dalam sembahyang berjama'ah sama ada *muwāfiq* atau *masbūq*.¹²⁹

46. *Al-Bahjat al-Wardīyyah*. (1259H).

Menurut Wan Mohd. Shaghir, kitab ini barangkali sama dengan kitab *al-Bahjat al-Sanīyyah* atau *Taḥṣīl Nayl al-Marām*.¹²⁹

¹²⁶ Beliau ialah Ḥusayn bin Muḥammad al-Maḥallī. Seorang tokoh Fiqh yang berasal dari Mesir. Beliau meninggal dunia pada tahun 1170H/1757M. Lihat al-Ziriklī (1979), *op. cit.*, j. 2, h. 257.

¹²⁷ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 57 – 58; Hasan Madmarn (2001), *op. cit.*, h. 32.

¹²⁸ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 86.

¹²⁹ *Ibid.*, h. 87.

47. *Matn al-Hikam li al-'Allāmah Ibn Ruslān al-Dimasyqī*.

Menurut Wan Mohd. Shaghir, beliau tidak dapat mengikuti kandungannya kerana mempunyai hanya halaman mukanya sahaja.¹³⁰

48. *Al-Tanbīh* (1192H).

Nama penuh kitab ini ialah *al-Tanbīh 'alā Hikam Ibn 'Afā'illāh*. Kitab ini asalnya karya Syeikh Muḥammad bin Ibrāhīm al-Zanadī. Syeikh Daud telah menyalin kitab ini setelah selesai menyalin Kitab *al-Hikam*.¹³¹ Ia ditulis dalam Bahasa Arab.¹³²

49. *Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī*. (Tidak dinyatakan tarikh karyanya).

Syeikh Daud telah menterjemahkan kitab ini dari kitab *Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī*, karangan al-Syeikh al-'Allāmah Mar'i bin Yūsuf.¹³³ Kitab ini masih dalam bentuk manuskrip dan belum pernah dicetak.¹³⁴

50. *Qismat al-Zakāt bayn al-Asnāf*.

Merupakan fatwa Syeikh Daud tentang pembahagian zakat kepada lapan *asnāf*. Kitab ini juga masih dalam bentuk manuskrip dan belum pernah diterbitkan.¹³⁵

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ *Ibid.*

¹³² Lihat salinannya sebanyak tiga halaman dalam *Ibid.* h. 88 – 90.

¹³³ Beliau ialah Mar'i bin Yūsuf bin Abī Bakr bin Aḥmad al-Karmī al-Maqdīsī al-Ḥanbālī. Seorang ahli sejarah, sasterawan dan tokoh dalam Fiqh. Dilahirkan di Turkaram, Palestin. Beliau berpindah ke al-Quds dan seterusnya ke Kaherah, meninggal dunia di sana pada tahun 1170H/1623M. Lihat al-Ziriklī (1979), *op. cit.*, j.7, h. 203.

¹³⁴ *Ibid.*, h. 91.

51. Risālat al-Syaṭṭārīyah wa al-Sammānīyah.

Kitab ini membicarakan tentang Ṭariqat Syaṭṭārīyah dan Sammānīyah serta silsilah pengambilannya. Ia juga masih dalam bentuk manuskrip dan belum pernah diterbitkan.¹³⁶

52. Fatwa Berjual Beli Dengan Kafir.

Kandungan kitab ini tidak pernah dibicarakan dalam kitab-kitab beliau yang lain dan belum pernah diterbitkan.¹³⁷

53. Hukum Ḥaiḍ dan Istiḥādah.

Perbahasan dalam perkara *ḥaiḍ* dan *istiḥādah* belum pernah dibicarakannya sedetail kitab ini dan juga belum pernah diterbitkan.¹³⁸

54. Nubdhah fī Bayān Syurūt al-Jumu'ah.

Kitab ini membicarakan syarat-syarat sah mendirikan Solat Juma'at.¹³⁹

55. Al-Ta'līq al-Latīf (Dikarang pada tahun 1232H).

Kitab ini menerangkan syarat-syarat mendirikan masjid untuk melakukan sembahyang Juma'at dalam satu daerah yang berbilang-bilang Juma'atnya.

Kitab ini juga belum pernah diterbitkan.¹⁴⁰

¹³⁵ *Ibid.*, h. 92.

¹³⁶ *Ibid.*

¹³⁷ *Ibid.*

¹³⁸ *Ibid.*, h. 93.

Sebagai rumusan daripada paparan nama-nama kitab di atas, karya-karya Syeikh Daud al-Faṭānī adalah berjumlah 55 buah iaitu 27 buah mengenai Fiqh, 13 buah mengenai Tauhid, 11 buah mengenai Taṣawwuf, 2 buah mengenai sejarah (Kisah Nabi Yūsuf a.s. dan Kisah Laki-Laki Yang Salih daripada Bani Isrā’il). Manakala 2 buah kitab lagi iaitu *Tanbīh al-Ghāfiḥīn* dan *Ta’alluq bi Kalimāt al-Imān* masih belum ditemui.

1.7 FAKTOR-FAKTOR KEUNGGULAN

Terdapat beberapa faktor yang telah mempengaruhi kejayaan Syeikh Daud dalam bidang pemikiran, penulisan dan perjuangan dakwahnya di rantau ini. Antaranya ialah:

1.7.1 Faktor Sosial

1.7.1(a) Pengaruh keluarga.

Syeikh Daud berasal dari rumpun keluarga yang berpendidikan dan mempunyai kedudukan yang tinggi. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang sangat mencintai ilmu pengetahuan. Bapanya dan datuknya Wan ‘Abdullah dan Wan Idris adalah

¹³⁹ *Ibid.*

dua tokoh ulamak yang masyhur pada zaman mereka. Begitu juga bapa saudaranya Syeikh Safiyuddin.¹⁴¹

1.7.1(b) Pengaruh suasana setempat.

Patani pada abad ke-17 merupakan sebuah negara yang makmur dan merupakan pusat penyebaran Islam yang awal serta sebagai tempat bermulanya tamadun Islam di Asia Tenggara.¹⁴² Namun pada abad ke-18 Kerajaan Patani mula merosot sehingga ia dijajah oleh Siam pada tahun 1785.

Pada zaman Syeikh Daud, perkembangan pengajian Islam masih meluas dan institusi pondok masih diteruskan, namun kehidupan di bawah penjajahan Siam semakin menyukarkan. Ramai umat Islam dan ulamak dibunuhi. Keadaan ini telah menyemarakkan lagi semangat juang dan dakwah dalam diri Syeikh Daud demi mempertahankan Islam serta menjaga akidah ummah.¹⁴³

Justeru itu, Syeikh Daud telah mengambil keputusan untuk berhijrah ke Makkah demi memperdalamkan lagi ilmu

¹⁴⁰ *Ibid.*

¹⁴¹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 24.

¹⁴² Hasan Madmarn (2001), *op. cit.*, h. 13.

pengetahuannya kerana Makkah merupakan pusat pendidikan Islam yang terkenal.¹⁴⁴ Setelah sekian lama menimba ilmu daripada tokoh-tokoh ulamak-ulamak di sana, beliau mengajar di Masjid al-Harām dan mengarang kitab. Kitab-kitabnya yang merangkumi berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan itu telah dibawa pulang oleh murid-muridnya untuk diajar di tempat masing-masing ke seluruh Asia Tenggara.¹⁴⁵

Pada tahun 1884 pula, Kerajaan Turki telah melantik Syeikh Ahmad bin Zainal Abidin al-Faṭāñī sebagai Penyelia Percetakan Turki. Beliaulah personaliti yang bertanggungjawab mencetak sejumlah besar kitab-kitab Jawi di Tanah Suci Makkah termasuk karya-karya Syeikh Daud. Pada awal abad ke-19 ini ahli-ahli keluarga Syeikh Daud yang berada di Makkah telah mengulang cetak dan menerbitkan karya-karya beliau beberapa kali.¹⁴⁶

¹⁴³ Abdul Rahman Mahmood, "Pengkaedahan Syeikh Daud Bin Abdullah al-Faṭāñī Dalam Penulisan Akidah", (*Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 – 20 Mei 2001*), hlm. 1.

¹⁴⁴ Hasan Madmarn (2001), *op. cit.*, h. 54.

¹⁴⁵ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 55; Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 55.

¹⁴⁶ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 55.

1.7.2 Faktor Guru Dan Pengalaman

1.7.2(a) Faktor Guru

Syeikh Daud telah banyak mempelajari ilmu-ilmu Islam dari guru-guru yang masyhur khususnya sewaktu beliau berada di Tanah Suci Makkah. Beliau telah belajar selama 30 tahun di Makkah dan 5 tahun di Madinah. Dalam tempoh itu beliau telah belajar dengan ulamak yang masyhur seperti Syeikh Muhammed bin ‘Ali al-Sanwāni, Syeikh ‘Isā bin Ahmad al-Barrāwi, Syeikh Muhammed bin ‘Abd al-Karīm al-Sammān dan lain-lain. Para ulamak ini telah menanam dalam diri beliau semangat untuk berjuang dan menyebarkan Islam.¹⁴⁷

1.7.2(b) Pengalaman Semasa Berada Di Luar Negara

Syeikh Daud telah mendapat pengalaman yang luas mengenai perjuangan untuk menyebarkan Islam khususnya sewaktu berada di Makkah. Beliau telah bertemu dengan tokoh-tokoh seperjuangan dari seluruh pelusuk dunia khususnya dari rantau Nusantara seperti Syeikh Muhammed Arsyad al-Banjari, Syeikh ‘Abd al-Şamad al-Palembāni dan lain-lain. Syeikh Daud juga pernah pulang untuk menetap di Patani dan menyebarkan Islam di sana, namun suasana politik yang tidak

¹⁴⁷ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 36.

stabil di bawah penjajahan Siam telah menyebabkan umat Islam bangkit berjihad. Dalam peperangan itu umat Islam telah tewas dan beliau terpaksa melarikan diri ke Terengganu dan seterusnya berhijrah ke Makkah serta menetap di sana.¹⁴⁸

1.8 MENINGGAL DUNIA

Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭāñi telah meninggal dunia di Tā'if. Tahun peninggalannya tidak diketahui dengan pasti. Namun satu cacatan menyebut ia adalah pada tahun 1265H.

Jenazah beliau dimakamkan di Tā'if bersebelahan dengan kubur 'Abdullāh bin 'Abbās r.a.¹⁴⁹ iaitu sepupu Baginda Rasulullah S.A.W. yang telah meninggal dunia pada tahun 78H.¹⁵⁰ Menurut cerita Hajjah Wan Zainab¹⁵¹ binti Syeikh Alḥmad al-

¹⁴⁸ Abdul Rahman Mahmood, "Pengkaedahan Syeikh Daud Bin Abdullah al-Faṭāñi Dalam Penulisan Akidah", *op. cit.*, h. 2.

¹⁴⁹ Beliau ialah 'Abdullāh bin 'Abbās bin 'Abd al-Muṭalib al-Quraisyī al-Hāsyimī. Pemimpin umat dan seorang Sahabat yang agung. Dilahirkan di Makkah pada tahun ketiga sebelum Hijrah bersamaan 619M dan membesar pada zaman permulaan Kenabian Muhammad S.A.W. Sentiasa berdamping dengan Rasulullah S.A.W. dan meriwayatkan Hadith-Hadith daripada Baginda. Beliau berpihak kepada Khalifah 'Alī k.w. dalam Peperangan Jamal dan Ṣiffayn. Beliau hilang penglibatan pada akhir usianya, tinggal di Tā'if dan meninggal dunia di sana pada tahun 78H/687M. Beliau meriwayatkan 1,660 Hadith yang termuat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* serta lain-lain lagi. Lihat al-Zirikli (1979), *op. cit.*, j.4, h. 95.

¹⁵⁰ Ahmad Fathy Al-Faṭāñi (2001), *op. cit.*, h. 38.

¹⁵¹ Beliau ialah cicit saudara kepada Syeikh Daud al-Faṭāñi dan ibu kepada Wan Mohd. Shaghir bin Abdullah. Bapanya, Syeikh Ahmad @ Muhammad al-Faṭāñi adalah cucu saudara kepada Syeikh Daud al-Faṭāñi. Lihat Siti Zalikhah Mohd. Nor (2001), "Sumbangan Ulama Patani Dalam Perkembangan Ilmu Fiqh", (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1; Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 – 20 Mei 2001), h. 4.

Faṭānī yang didengari dari ibunya Hajjah Wan Siti Saudah binti Abdullah, bahawa jenazah beliau telah dipindahkan oleh Syeikh Nik Mat Kecik al-Faṭānī ke Makkah dan ditanam di bawah pohon bidara di hadapan rumahnya kerana ketika itu golongan Wahabi mahu membongkar semua kubur yang dikeramatkan termasuk kubur Syeikh Daud al-Faṭānī.¹⁵²

1.9 KESIMPULAN

Syeikh Daud dan zuriat kaum keluarganya adalah berketurunan daripada rumpun alim ulamak yang banyak berjasa dalam penyebaran dakwah Islamiah di rantau ini. Sumbangan beliau sendiri yang paling bernilai ialah pusaka penulisannya yang masih dapat dimanfaati hingga ke hari ini. Antara hasil karangannya yang paling awal dicetak iaitu dicetak oleh Pustaka Nasional, Singapura dan Syarikat Binkul, Surabaya¹⁵³ ialah *Jam' al-Fawā'id* (1303H), *al-Bahjat al-Sanīyyah* (1303) dan *Minhāj al-'Ābidīn* (1305H). Sebelum itu para pelajar dan penadah kitab terpaksa menyalin sendiri ataupun mengupah orang lain yang biasa melakukannya. Ini secara tidak langsung memberi beberapa kemahiran tertentu kepada mereka semua. Antara kitab-kitabnya yang paling banyak ditadah orang termasuklah *Munyat al-Muṣallī*, *Furū' al-Masā'il*, *al-Durr al-Thamīn*, *Minhāj al-'Ābidīn* dan *Sullam al-Mubtadi*.

¹⁵² Walaupun beliau telah lama meninggal dunia namun jenazahnya tidak hancur dan darah masih berjalan kecuali nafas sahaja yang tidak ada. Lihat Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 24

Tidak syak lagi bahawa sambutan yang sebegitu rupa mencerminkan keberkatan hidup Syeikh Daud al-Faṭāñī dan sekaligus menunjukkan kepada kita bahawa usahanya diredhai Allah. Dipercayai bahawa rahsia kejayaan tersebut adalah berpunca daripada niat yang tulus ikhlas untuk mengembangkan ilmu Islam sebagai khidmat ilmiah atau amalan jariah semata-mata dan bukan bermotifkan perdagangan atau kepentingan peribadi.

Sejajar dengan ketokohan dan kealimannya, maka tidak hairanlah jika gelaran *al-'Ālim al-'Allāmah al-'Ārif al-Rabbāñī al-Syeikh* telah diberikan kepadanya. Syeikh Daud juga dianugerahi Allah dengan beberapa kelebihan atau kekeramatannya seperti dapat menolong orang yang karam di laut tanpa meninggalkan majlis ilmunya, mampu pulang mengambil buah durian di Tanah Jawi dalam masa yang singkat dan macam-macam cerita aneh yang lain lagi.¹⁵⁴

Akhirnya dapatlah dikatakan bahawa Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭāñī adalah seorang ulamak besar yang ahli dalam bidang Ilmu Islam, terutama dalam bidang Perundangan Islam (Fiqh), Pemikiran Islam (Usuluddin) dan Tasawuf kerana kesarjanaan dan kewibawaannya terlihat dalam bidang-bidang ini. Beliau adalah seorang Faqih, Pemikir Islam dan Ahli Sufi yang terkenal kerana berdasarkan karyakaryanya yang begitu banyak ditemui itu.

¹⁵³ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 59.

¹⁵⁴ Ismail Che Daud (1992), *op. cit.*, h. 59 – 60.

Oleh itu, dalam usaha kita mengingati Syeikh Daud al-Faṭānī, kita sepatutnya mengkaji karya-karya yang dihasilkannya agar segala ilmu yang terpendam di dalam karya-karya itu dapat dihayati dan dijadikan suatu kenangan abadi.

Kesarjanaan ulamak silam seperti Syeikh Daud al-Faṭānī adalah amat sukar ditandingi. Penglibatan seluruh hidupnya dengan Ilmu Islam dan penulisannya telah memberikan saham yang amat besar dan sumbangan yang sangat berharga kepada ilmu pengetahuan di rantau ini.¹⁵⁵

¹⁵⁵ Engku Ibrahim Ismail (1992), *op. cit.*, h. 61.